

# Sultan Kelantan kurnia DK kepada PM

UM 13 APR 2002

KOTA BHARU 12 April — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menerima Darjah Kerabat (DK) Al-Yunusi Kelantan daripada Sultan Kelantan, Tuanku Ismail Petra dalam satu majlis penuh istiadat di Istana Balai Besar, di sini.

Majlis penganugerahan itu turut disaksikan oleh Raja Perempuan Kelantan, Tengku Anis Tengku Abdul Hamid, kerabat diraja dan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali serta lebih 2,000 jemputan lain.

Penganugerahan darjah tertinggi itu diadakan sempena sambutan hari keputeraan Sultan Kelantan kali ke-52.

Semasa bertitah di majlis berkenaan, baginda menjelaskan, penganugerahan DK kepada Perdana Menteri adalah sebagai mengenang dan menghargai peranan serta sumbangan besar Dr. Mahathir.

Sehubungan itu, Tuanku Ismail berharap Perdana Menteri akan mencapai kejayaan di arena antarabangsa dan memainkan peranan dalam memulihkan imej negara khususnya dan umat Islam amnya.

Ini kerana, titah baginda, sejak peristiwa 11 September lalu, banyak kesan negatif yang telah dicalitkan kepada negara-negara dan umat Islam di seluruh dunia.

Baginda bertitah, keadaan ini amat memerlukan pengemblengan tenaga umat Islam iaitu mereka perlu bersatu dan bekerjasama serta saling memberi sumbangan positif demi kebaikan semua.

Baginda juga berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang telah memberikan peruntukan yang besar kepada Kelantan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) termasuk menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur dan sebagainya.

Terdahulu, Perdana Menteri bersama isteri yang dalam rangka lawatan sehari ke Kelantan tiba di sini pada kira-kira pukul 18.45 pagi.

Sejurus tiba, beliau telah mengadakan perjumpaan dengan pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan di Dewan Utama Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia (USM) Kubang Kerian.

Beliau kemudian mengadakan perjumpaan tertutup dengan Ketua-ketua UMNO bahagian dari seluruh Kelantan, di tempat yang sama.

Perdana Menteri kemudian mengerjakan solat Jumaat di Masjid Kubang Kerian sebelum berangkat ke Istana Balai Besar untuk menghadiri majlis penganugerahan pingat berkenaan.

Dr. Mahathir mengakiri aturcara lawatan dengan menghadiri majlis Jamuan Bersama Rakyat di Istana Negeri, Kubang Kerian. Sultan Kelantan berangkat ke majlis itu.